

17 JUL 1999

MCA-Ling

PEMULIHAN EKONOMI KERANA RAKYAT BERSATU, KATA LING

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Malaysia berjaya mencapai pemulihan ekonomi kerana rakyat yang berbilang kaum dapat bersatu padu dan berdisiplin untuk menghadapi krisis itu, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata kerana perpaduan itu kestabilan politik dan sosial yang dinikmati rakyat selama ini juga tidak tergugat dan terbukti kukuh dan itulah kelebihan Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara Asia lain yang turut dilanda krisis ekonomi sejak tahun 1997.

"Semua pihak termasuk orang asing yang pada suatu ketika dahulu cuba memburuk-burukkan keadaan ekonomi negara kita dengan komen-komen yang negatif, sekarang telah berubah anggapan dan membuat ramalan yang positif mengenai prospek ekonomi negara," katanya pada Perhimpunan Agung MCA yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Wisma MCA di sini.

Dr Ling berkata semangat kerjasama dan sumbangan dari semua pihak adalah antara faktor penting membolehkan Malaysia mengatasi krisis ekonomi secara berkesan.

"Memang tidak boleh dinafikan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berpandangan jauh dan berkaliber merupakan faktor yang sangat penting untuk menyelamatkan ekonomi dari diserang dan dikuasai oleh orang-orang asing yang tamak dan berniat jahat," katanya.

Katanya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menguatkuasakan kawalan matawang adalah satu langkah yang berani dan tepat dan hasil dari kawalan itu ekonomi negara dapat dilindungi dan diperkukuhkan sehingga pemulihan ekonomi dapat dicapai.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata MCA akan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri untuk mempertahankan kedaulatan ekonomi negara dan mendesak supaya sistem kewangan antarabangsa disusun semula dan diperkemaskan demi kepentingan seluruh dunia.

"Adalah tidak keterlaluan jika kita berkata Perdana Menteri telah memainkan peranan sebagai penyelamat kepada ekonomi negara. Usaha dan pencapaian beliau patut disanjung tinggi dan dihargai oleh semua rakyat Malaysia," katanya.

Beliau juga berkata kempen "Cintai Malaysia" dan "Belilah Barangan Malaysia" anjuran pemuda MCA telah mendapat sokongan yang kuat dari semua pihak dan mencapai matlamatnya untuk menguatkan semangat patriotik dan mempromosikan barangan Malaysia di kalangan rakyat.

Mengenai perpaduan, beliau berkata perpaduan dan kestabilan parti yang kukuh amat penting untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang dalam membantu Barisan Nasional mengulangi kejayaannya yang cemerlang.

"Saya berharap budaya yang sentiasa menguatkan perpaduan dan kestabilan parti ini dapat dikekalkan demi kepentingan negara, rakyat dan parti. Saya yakin semua anggota MCA akan terus bertindak sebagai satu pasukan untuk berkhidmat kepada negara dan rakyat dengan ikhlas dan jujur," katanya.

Beliau berkata pendidikan merupakan satu agenda politik yang sentiasa diberi keutamaan dalam perjuangan politik MCA sejak ia ditubuhkan.

MCA akan meneruskan usahanya untuk membina dua buah lagi kampus cawangan Kolej Tunku Abdul Rahman -- sebuah di Kampar, Perak dan sebuah lagi di Karak, Pahang, untuk menampung lebih ramai penuntut institusi pengajian tinggi serta memberi sumbangan yang lebih besar kepada

pembangunan pendidikan di negara ini.

Yang turut hadir pada perasmian itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan para pemimpin Barisan Nasional yang lain.

-- BERNAMA

APG RI